

FOKUS BERITA: MENANGANI KRISIS DAN KEMELESETAN

# Kerjasama sedia kursus bagi pekerja pertengahan kerjaya

SkillsFuture SG, SMU dan lapan rakan kongsi industri meterai MOU

► NUR FATHIN AWALLUDIN  
nfathin@sph.com.sg

SATU persetujuan menyediakan projek, bimbingan dan mungkin peluang pekerjaan bagi warga Singapura, terutama yang terjejas oleh pandemik Covid-19, dirasmikan SkillsFuture SG (SSG) dan beberapa rakan kongsi semalam.

SSG, Universiti Pengurusan Singapura (SMU) dan lapan rakan kongsi industri menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MOU) bagi menawarkan 113 kursus di bawah Program Kemahiran SGUnited (SGUS) bagi tujuan itu.

Dasarkan pada pekerja pertengahan kerjaya, inisiatif itu bertujuan memenuhi keperluan syarikat kecil dan sederhana (SME).

Ia akan melengkapkan golongan karyawan, pengurus dan eksekutif (PME) berpengalaman daripada pelbagai sektor dengan kemahiran pengurusan perniagaan, digital dan pengantarabangsaaan, bagi membantu mereka beralih ke kerjaya baru.

Sejauh ini, lebih 6,500 tempat latihan tersedia di bawah SGUS, dengan sekitar 1,300 individu telah menyatakan minat mengikuti kursus yang disediakan.

Hadir menyaksikan majlis memeterai MOU itu semasa Forum SkillsFuture ialah Menteri Pendidikan Ong Ye Kung.

Forum tersebut dianjurkan SSG dan disokong oleh *The Business Times* dan *The Straits Times*, dan diadakan dalam format hibrid buat kali pertama. Sebilangan kecil peserta hadir di Institut Pembelajaran Sepanjang Hayat di Paya Lebar, sementara yang lain hadir melalui wadah dalam talian Zoom.

Forum tersebut berkaitan cara perniagaan dan tenaga kerja dapat dibentuk semula di tengah Covid-19.

Akur pandemik itu meninggalkan kesan dan mengubah cara pekerja bekerja, Encik Ong berkata adanya SkillsFuture meletak Singapura di tempat baik untuk menangani krisis Covid-19.

"Kita mempunyai sistem pembelajaran sepanjang hayat menyeluruh merangkumi pusat latihan dan kursus, sistem pentauliahan dan kawalan mutu, sistem pendanaan yang memberi subsidi latihan, sistem OJT (latihan di tempat kerja), pasukan pelatih dan rangkaian pusat kerjaya.



**KERJASAMA RAPAT:** Encik Ong Ye Kung (tengah) menyaksikan pemeteraian MOU bagi Program Kemahiran SGUnited (SGUS) semasa Forum SkillsFuture di Institut Pembelajaran Sepanjang Hayat di Paya Lebar. – Foto BH oleh KUA CHEE SIONG



**PERTINGKAT KEMAHIRAN:** Pemandu teks meningkatkan kemahiran digital mereka semasa program SkillsFuture untuk tempat kerja digital (SFDW) yang diadakan tiga tahun lalu. – Foto fail

"Saya rasa sekarang, ini salah satu institusi ekonomi paling kritikal kita yang mempunyai dua peranan. Pada masa damai, kita menggunakan mereka untuk meningkatkan kemahiran warga Singapura... semasa kecemasan, kita menggunakannya untuk menyelamatkan pekerjaan dan membantu rakyat Singapura mencari peluang pekerjaan baru," kata beliau.

Program SGUS ialah program latihan sepenuh masa antara enam hingga 12 bulan bagi mereka yang ingin meningkatkan kemahiran sambil mencari pekerjaan baru.

Yuran kursus menerima subsidi

banyak dan pelatih mendapat elaun bulanan semasa menjalani latihan.

Semasa ditemui, Ketua Pegawai Eksekutif Thong Siek Food Industry, Cik Novelle Lim, berkata beliau berpusing hati dengan kerjasama bagi program SGUS itu.

Syarikatnya antara lapan rakan kongsi industri yang menandatangani MOU itu.

"Program ini bermanfaat bagi kami dan juga pelatih kerana ia akan disesuaikan mengikut keperluan syarikat kami.

"Pelatih juga boleh melaksanakan inisiatif baru ke dalam proses ka-

mi dan pada masa sama kakitangan sedia ada boleh belajar daripada mereka, jadi saya rasa ini suatu situasi bermanfaat bagi kedua-dua pihak.

"Jika pelatih itu didapati sesuai, kami juga boleh menawarkannya peluang pekerjaan bagi jangka panjang," kata Cik Lim.

Forum semalam sebahagian daripada acara Bulan SkillsFuture, yang berlangsung dari semalam hingga 16 Ogos.

Beberapa acara dalam dan luar talian akan dianjurkan sepanjang tempoh itu bagi membantu warga Singapura di pelbagai peringkat kerjaya mereka.

### Bulan SkillsFuture 2020

- Dari 17 Julai hingga 16 Ogos
- Acara dalam dan luar talian bagi warga Singapura, termasuk peluang latihan terutama bagi golongan pertengahan kerjaya dan terjejas oleh kesan ekonomi Covid-19
- Lebih 80 rakan kerja masyarakat, pendidikan dan industri terlibat
- Lebih 15,000 pelajar dijangka meraih manfaat daripada webinar, kelas dan bengkel serta pameran dalam talian